



KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

**KELULUSAN PROSEDUR OPERASI STANDARD BAHARU BAGI  
PELAKSANAAN AKTIVITI KEAGAMAAN DI RUMAH IBADAT  
BUKAN ISLAM SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

---

Putrajaya, 15 Jun 2020 - Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang diadakan pada hari ini telah bersetuju dengan cadangan prosedur operasi standard (SOP) baharu bagi **pelaksanaan aktiviti keagamaan di semua rumah ibadat bukan Islam kecuali di kawasan Zon Merah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)**. Pelaksanaan SOP ini adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Kerajaan Negeri bagi setiap rumah ibadat bukan Islam.

2. SOP ini adalah mengikut garis panduan yang telah disediakan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Ianya menggariskan perkara-perkara seperti berikut:
  - (i) Semua rumah ibadat dibenarkan beroperasi kecuali di kawasan yang telah di isytihar oleh Kerajaan sebagai Zon Merah;
  - (ii) Rumah ibadat dibenarkan beroperasi dengan had kapasiti 1/3 daripada bilangan penganut bagi dewan atau ruang beribadat dengan amalan penjarakan sosial;



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

- (iii) Waktu beroperasi kembali seperti biasa dengan amalan kawalan kendiri dan kebiasaan baharu;
- (iv) Mematuhi garis panduan pihak kerajaan negeri;
- (v) Pelaksanaan aktiviti keagamaan tertakluk kepada SOP dan Senarai Aktiviti Yang Dilarang, seperti perarakan keagamaan, kenduri dan perhimpunan yang ramai dan sukar dikawal; dan
- (i) Tertakluk kepada peraturan KKM Akta 342, Majlis Keselamatan Negara, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri.
4. Ahli Jawatankuasa rumah ibadat, ketua agama dan pengikut dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan kebiasaan baharu dan disiplin kendiri (self-discipline), seperti amalan penjarakan sosial, memakai pelitup muka, dan kerap membersihkan tangan dengan sabun dan air atau hand sanitizer.

**Kementerian Perpaduan Negara**

15 Jun 2020

**-TAMAT-**

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel +603 8091 8041  
Fax +603 8888 8568 / 569  
E-mail : [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)  
No rujukan: KPN.UKK.100-2/14 (8)